

Siri Kaunseling

# Lapan Peringkat **Kehidupan Manusia**



## 8 Peringkat Kehidupan Manusia

Tajuk	: 8 Peringkat Kehidupan Manusia
Penulis	: Lee Bee Teik ©2004
Penterjemah	: Steffisley Mosingki
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr. Lee Bee Teik ialah pengasas dan direktor untuk Pelayanan Reconre ([www.reconre.org](http://www.reconre.org)). Beliau adalah seorang doktor perubatan terlatih tetapi mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya perubatan bagi mendampingi sepenuh masa anak-anaknya membesar. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan melayani hamba-hamba penuh masa Tuhan melalui pelayanan kaunseling dan retreat. Dr. Lee juga giat dalam pelatihan kaunseling bimbingan dan nasihat, serta memfasilitasi seminar & retreat peribadi atau kelompok kecil. Beliau adalah isteri Bishop (Dr.) Hwa Yung dari Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa.

Hakcipta © 2012 Wawasan Penabur Sdn Bhd

Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

# Lapan Peringkat Kehidupan Manusia

**D**engarlah kata-kata seorang yang bijaksana dari zaman dahulu kala tatkala dia menulis pemerhatiannya bagi hidup manusia di muka bumi ini . . .

**"Untuk segala sesuatu ada masanya,**  
untuk apapun di bawah langit ada waktunya.  
Ada waktu untuk lahir,  
ada waktu untuk meninggal,  
ada waktu untuk menanam,  
ada waktu untuk mencabut yang ditanam;  
ada waktu untuk membunuh,  
ada waktu untuk menyembuhkan;  
ada waktu untuk merombak, ada waktu untuk membangun;  
ada waktu untuk menangis, ada waktu untuk tertawa;  
ada waktu untuk meratap; ada waktu untuk menari;  
ada waktu untuk membuang batu,  
ada waktu untuk mengumpulkan batu;  
ada waktu untuk memeluk,  
ada waktu untuk menahan diri dari memeluk;  
ada waktu untuk mencari,  
ada waktu untuk membiarkan rugi;  
ada waktu untuk menyimpan, ada waktu untuk membuang;  
ada waktu untuk merobek, ada waktu untuk menjahit;  
ada waktu untuk berdiam diri, ada waktu untuk berbicara;  
ada waktu untuk mengasihi, ada waktu untuk membenci;  
**ada waktu untuk perang, ada waktu untuk damai."**

(Pengkhutbah 3:1-8)

Dengan cara yang sama, kita akan mengkaji dan membincangkan perkembangan hidup manusia secara umum di atas bumi, yang secara purata hidup selama 70 tahun.

## Sains dan Prinsip Alkitabiah

Peringkat perkembangan kanak-kanak dalam buku ini diadaptasi daripada penemuan psikologikal ahli-ahli saintis seperti Jean Piaget and Erik Erikson. Sedapat mungkin saya akan cuba menerapkan penemuan-penemuan mengenai manusia yang selari ATAU tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip dan ajaran Alkitab. Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan bahawa sains psikologi melihat manusia melalui sudut pandangan yang terhad manakala Tuhan mempunyai pengetahuan yang sempurna. Hasil kajian manusia hanyalah merupakan sebahagian daripada pendedahan Allah kepada kita. Oleh yang demikian, jika ia digunakan dengan sebaiknya, ia juga merupakan sebuah pemberian Tuhan sebagai alat bagi kita untuk memahami manusia sejagat dengan lebih baik.

Sekiranya ada di antara para pembaca yang menolak dan menentang psikologi, iaitu ilmu kajian saintifik pemikiran manusia, sebagai sesuatu yang tidak alkitabiah; atau ada di antara pembaca yang menganggap dan menerima segala hasil kajian saintifik sebagai kebenaran mutlak tentang kewujudan manusia, maka izinkan saya untuk menerangkan perbezaan di antara prinsip-prinsip saintifik dan Alkitab.

Sains, sebagai sebuah subjek, adalah:

**"pengetahuan secara sistematis yang berdasarkan kepada pemerhatian, penyelidikan, dan kajian yang dilaksanakan bagi menentukan sifat-sifat ataupun prinsip-prinsip bahan yang dipelajari"**

*(Webster's New World Dictionary)*

Selalunya, para saintis akan melakukan pemerhatian kepada bahan yang mereka ingin kaji. Selepas itu, maklumat akan dikumpul untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai subjek yang dikaji. Kemudian sebuah hipotesis dirangka untuk merumuskan hasil kajian bagi kegunaan masa hadapan. Hipotesis tersebut akan menjadi sebuah teori jika hasil kajian berulang kali memberikan keputusan yang sama. Prinsip saintifik akan dicipta sekiranya teori tersebut berulang kali membawa hasil penemuan kajian yang sama. Oleh yang demikian, prinsip saintifik bergantung kepada pengulangan dan pembuktian. Ia tidak menyentuh perkara yang tidak dapat ia ketahui melalui proses saintifik, contohnya adakah seseorang bertanggungjawab secara moral jika dia berbohong. Pengetahuan saintifik hanya merangkumi perkara yang boleh dipelajari melalui pemerhatian, eksperimen dan kajian.

Prinsip-prinsip Alkitabiah pula adalah hasil daripada pengetahuan yang Allah memilih untuk mendedahkannya kepada dunia.

ia merangkumi penemuan-penemuan saintifik dan juga yang bukan saintifik, seperti Alkitab, suara kecil Allah yang berbicara kepada umat-Nya, kurnia pengetahuan, mukjizat dan keajaiban.

Contohnya, kebanyakan kesaksian orang yang menjadi Kristian sering diiringi dengan kisah bagaimana perasaan mereka ketika disentuh oleh Tuhan. Apabila mereka menyedari dosa mereka, selalunya perasaan sedih akan menimpa lalu mereka akan bertaubat di hadapan Tuhan.

Sekiranya seorang saintis ingin mengkaji perkara tersebut, elektrod akan diletakkan di atas kepala mereka, kadar nadi dan tekanan darah mereka akan diperiksa untuk mengetahui tindak-balas mereka kepada pengalaman sedemikian.

Kedua-dua pihak mampu untuk menerangkan apa yang berlaku. Namun masing-masing melihat daripada sudut yang berbeza, berdasarkan kepada hasil yang mereka inginkan. Saintis tidak mampu untuk membezakan sama ada pengalaman tersebut adalah tulus mahupun tidak kerana ia berada di dalam alam iman kepada Tuhan yang tidak boleh dilihat. Manakala orang Kristian tidak akan peduli akan peningkatan kadar denyutan nadi sewaktu mereka menyedari dosa mereka. Mereka hanya ditenggelami dengan kebenaran Allah Yang Maha Kudus yang mampu dan mahu mengampuni segala dosa mereka dan menjadikan mereka anak-Nya<sup>1</sup>.



## Lapan Peringkat Kehidupan Manusia di Muka Bumi

PERINGKAT	KATA KUNCI
I. Dalam kandungan	Penerimaan
II. Kelahiran – 1 Tahun: Bayi	Jaminan
III. 1 – 3 Tahun: Awal alam kanak-kanak A 3 – 6 Tahun: Awal alam kanak-kanak B	Berdikari
IV. 6 -12 Tahun: Akhir alam kanak-kanak	Inisiatif (keakhlakan)
V. 12 – 20 Tahun: Remaja	Pengubahan
VI. 20 – 40 Tahun: Belia dan Orang Dewasa	Pergolakan
VII. 40 – 60 Tahun: Pertengahan umur	Kemuncak
VIII. 60 Tahun ke atas: Warga emas	Kestabilan
	Tekanan
	Penyesuaian Semula
	Tindak Balas
	Penerimaan
	Kemurungan

**K**ata kunci melambangkan batu penada bagi peringkat-peringkat kehidupan yang harus dilalui oleh semua orang sebelum mereka cukup matang untuk menghadapi peringkat yang seterusnya dengan

sihat. Walau bagaimanapun, masa akan tetap berjalan tanpa mengira kita mencapai kematangan bagi setiap peringkat yang kita lalui ataupun tidak. Tetapi selalunya tanpa kita sedari, kita sering teringin untuk kembali ke peringkat sebelumnya untuk memperbaiki diri kita.

Di sinilah Allah dengan segala kasih kurnia-Nya akan menunjukkan kepada kita melalui Firman-Nya segala penyembuhan, pengampunan terhadap dosa serta penyingkiran kelemahan kita yang kita perlukan. Seorang anak Tuhan yang telah mengalami pekerjaan Roh Kudus dalam memperbarui kematangan mereka akan sentiasa merasakan belas kasihan Tuhan.

Sekiranya Allah ingin menyentuh hidup anda dengan cara yang serupa, bukalah pintu hati anda dan benarkan Dia untuk berjalan dengan anda sehingga anda mengetahui kasih dan kekudusan-Nya dengan lebih mendalam. Kadang-kadang kita mungkin harus mengampuni mereka yang telah melukakan kita dengan tujuan yang jahat, tanpa mengira sama ada mereka menyadarinya ataupun tidak. Kita tidak seharusnya mencari kesalahan orang lain, sebaliknya kita harus mengampuni dan mengisyitiharkan berkat Allah ke atas mereka. Pada masa yang sama, sekiranya kita telah berdosa kepada orang lain dan ia timbul di dalam ingatan, maka kita juga harus meminta pengampunan daripada Tuhan.

Suka ataupun tidak, ibu bapa dan orang tua harus menjadi teladan dan penggerak anak mereka untuk mencapai setiap batu penanda dalam perkembangan kehidupan mereka.

Saya akan memberikan lebih banyak penekanan kepada peringkat di dalam kandungan sehingga peringkat remaja kerana kanak-kanak merupakan golongan yang sering disalah-fahami. Mereka hanya mencari jalan mereka di muka bumi ini, dan ia bermula di rumah. Lebih kurang 70%-80% daripada personaliti kita dibentuk ketika umur kita mencapai 7 tahun<sup>2</sup>. Oleh yang demikian, orang tua memegang kunci dunia masa depan di dalam tangan mereka. Semua ini merupakan proses yang telah Tuhan tetapkan di mana kanak-kanak akan belajar untuk hidup berpandukan kebenaran dan kasih kurnia-Nya melalui orang yang lebih dewasa.

## Peringkat 1 Peringkat Dalam Kandungan PENERIMAAN

**K**ita selalunya menganggap seorang anak hanya akan menjadi seorang manusia apabila dia dilahirkan kerana janin bergantung kepada ibunya untuk terus hidup. Namun demikian, ada beberapa petikan dari Alkitab yang memberitahu kita bahawa Allah mengakui kewujudan seseorang walaupun dia masih berada di dalam kandungan ibunya (contohnya, Mazmur 139:13-16; Yeremia 1:4-8; Lukas 1:39-42). Kadang-kadang Dia juga memilih beberapa orang sebelum kelahiran mereka untuk melaksanakan tugas-tugas khusus bagi-Nya; seperti Yeremia, Yohanes pembaptis dan Yesus.

Kini melalui pengetahuan saintifik (pewahyuan secara umum), kita mengetahui bahawa apabila seorang wanita

yang mengandung berasa tertekan, perubahan kimia akan terjadi di dalam tubuhnya. Perubahan tersebut mungkin akan disalurkan kepada janin, lalu mempengaruhi pembentukan fizikal dan emosinya<sup>3</sup>.

Oleh yang demikian, penerimaan bagi bayi di dalam kandungan seorang ibu adalah amat penting bagi kesihatannya disebabkan oleh dua perkara:

1. Alkitab mejelaskan bahawa Allah mempunyai tujuan dan rancangan buat semua manusia yang dicipta-Nya. Oleh yang demikian, sekiranya kita menolak bayi yang dicipta-Nya, kita sebenarnya sedang menolak panggilan-Nya untuk kita menjadi ibu bapa.
2. Sebagai orang yang telah matang dan dewasa, kita pasti pernah berasa ditolak oleh ahli keluarga, kawan-kawan, dan para kenalan di sepanjang hidup kita. Perasaan ditolak adalah sangat menyakitkan. Namun begitu kita sentiasa mempunyai cara untuk mengatasinya seperti dengan meluahkannya kepada rakan karib, berdoa mahupun keluar untuk bersukaria. Selalunya, perasaan tersebut tidak akan kekal lama. Walau bagaimanapun, kesakitan akan tetap ada dan ia akan mempengaruhi keyakinan kita sebagai seorang manusia.

Jika perkara ini boleh berlaku kepada orang dewasa, bagaimana pula dengan janin yang berada di dalam kandungan ibunya? Dia merasakan kehidupan dan komunikasi dengan hidupan lain tetapi pada masa yang sama merasakan dirinya tidak diterima. (Contohnya dalam

percubaan untuk pengguguran, atau ketika ibu bapanya **mengatakan mereka belum ‘bersedia’ untuk mempunyai** anak, ataupun ketika ibunya menekan rahim dalam usaha untuk mengeluarkan janin di peringkat awal kehamilan).

## Aplikasi

1. Perancangan keluarga adalah satu perkara yang baik. Tetapi di generasi ini, ia telah menjadi satu penguasa yang kejam. Ia adalah perkara yang baik kerana ia membantu sesebuah keluarga dari segi perancangan dan pertambahan ahli keluarga. Mandat untuk memenuhi bumi dengan generasi baru telah diberikan kepada kita di Kejadian 1:28. Namun Yohanes 1:13 mencadangkan bahawa manusia dibenarkan untuk menggunakan kehendak mereka bagi memilih sama ada mereka menginginkan anak ataupun tidak. Setahu saya, ovum dan sperma tidak mempunyai sebarang identiti sebagai manusia sebelum persenyawaan berlaku.

Namun begitu, selalunya apabila perlindungan mereka gagal untuk mengelakkan terjadinya persenyawaan, rasa bersalah dan kekecewaan daripada pasangan tersebut akan diturunkan kepada bayi tersebut melalui cara mereka memperlakukan anak mereka.

Saya percaya bahawa rancangan awal Tuhan bagi ciptaan-Nya adalah supaya para pasangan dapat menimang cahaya mata dengan gembira bagi-Nya. Tetapi di dalam dunia kita yang tidak sempurna ini, Dia membenarkan perancangan keluarga (bukan

pengguguran), mungkin supaya sikap manusia yang mementingkan diri sendiri dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun, kerana Tuhan mencipta dan memberikan anak kepada kita untuk dibesarkan bagi-Nya, pasangan yang telah berkahwin tidak seharusnya berasa bersalah atau malu jikalau si isteri mengandung. Tidak kira adakah itu terhasil daripada kegagalan dalam perlindungan ataupun perancangan yang digunakan itu tidak berkesan. Mereka tidak seharusnya berasa kesal kerana mengandungkan seorang lagi **anak dan menganggapnya sebagai satu ‘kesilapan’**. Sebaliknya mereka harus meminta pengampunan daripada Tuhan serta anak tersebut (sekiranya dia telah cukup matang untuk berfikir) kerana menganggap kelahirannya adalah satu kejadian yang tidak dijangkakan (*accident*) **atau satu ‘kesilapan’**.

Kajian saintifik telah membuktikan bahawa seorang bayi boleh mendengar ketika masih berada di dalam kandungan ibunya. Orang dewasa seperti kita sering terlupa bahawa mereka berkemungkinan dapat memahami lebih daripada apa yang kita jangkakan apabila mereka dilahirkan<sup>4</sup>.

2. Di dalam konteks orang Asia, di mana anak lelaki lebih dipandang tinggi daripada anak perempuan, kita harus berhati-hati agar tidak menolak anak dalam kandungan yang dijangka adalah seorang perempuan. Secara umum, kebanyakan keluarga berketurunan Cina yang lebih tradisional tidak akan mengira anak perempuan mereka apabila ditanya jumlah anak yang mereka miliki. Sesungguhnya ruang untuk pertaubatan

sentiasa ada untuk pasangan ibu bapa yang sedar akan kesilapan mereka ini.

Tetapi kita boleh berasa lega kerana Allah tidak seperti ibu bapa duniawi kita. Kaum perempuan akan berasa terhibur dan terdorong untuk mengetahui Allah mengasihi mereka sama seperti Dia mengasihi kaum lelaki. Malah Dia memberikan pemberian yang baik kepada semua anak-Nya, baik lelaki ataupun perempuan. Semuanya disayangi oleh Bapa kita yang di syurga (Yoel 2:28, 29)!

3. Sekiranya kita benar-benar belum bersedia untuk mendapatkan seorang lagi anak, kita harus meluahkan perasaan takut dan bersalah (contohnya, mengandung sebelum bernikah) dengan mereka yang boleh memahami. Marilah kita membawa semua sikap-sikap negatif ini kepada Tuhan di dalam doa, mencari pembebasan keyakinan, kegembiraan dan rasa syukur daripada-Nya untuk anak yang bakal dilahirkan! Ingatlah bagaimana Maria berserah kepada kehendak Allah mengenai kedatangan Yesus, Anak-Nya yang tunggal, meskipun Maria tidak bersedia.

Semua anak kita adalah berharga di mata Bapa kita yang di syurga kerana apa yang telah Penyelamat kita, Yesus doakan bagi kita di Yohanes 17:20,21,26.

Berikut ialah sebuah cadangan doa bagi mereka yang berada di dalam situasi sedemikian:

Tuhan Yesus Kristus, kami menerima anak yang Engkau telah berikan kepada kami dengan rasa syukur. Kami mengakui keagungan-Mu di dalam menguasai semua usaha manusia untuk menghalang mahupun mendapatkan cahaya mata. Engkau adalah Tuhan yang maha tahu dan kami mengakui keyakinan kami di atas kebaikan-Mu kerana mempercayakan anak ini kepada kami untuk membeskannya bagi Engkau.

Kurniakan kami, ya Tuhan, kasih kurnia untuk menerima anak kami serta menyayangi dan menjaganya sehingga dia sendiri akan mengetahui kasih dan perlindungan-Mu. Bekalkan kami dengan semua keperluan kami – fikiran, emosi, rohani, fizikal, keperluan asas serta roti harian kami. Dalam nama Yesus Kristus kami berdoa, Amen.

## Peringkat 2 Kehadiran Sehingga 1 Tahun JAMINAN

**K**epastian dan keboleh-ramalan akan membangun kepercayaan dan kestabilan seorang anak yang masih bergantung sepenuhnya kepada ibu bapanya. Sekiranya batu penanda bagi perasaan terjamin ini tercapai, anak tersebut akan lebih mempercayai orang tua dan persekitarannya.

Keselesaan bagi seorang bayi dalam enam bulan sehingga tahun pertama hidupnya merangkumi makanan, minuman, kehangatan, kebersihan serta sentuhan lembut dari seorang penjaga untuk sepanjang hari. Kelembutan serta perubahan kecil adalah amat penting untuk meyakinkannya bahawa dia selamat di tangan penjaganya.

Dalam enam bulan yang pertama, seorang bayi adalah lebih pasif atau bersifat parasit. Dia akan menangis untuk memberitahu bahawa dia berasa tidak selesa. Enam bulan seterusnya pula dia akan menjadi lebih aktif dan agresif dengan tuntutannya. Sebagai contoh, dia akan merangkak atau berjalan untuk mendapatkan apa yang menarik perhatiannya.

Secara fizikal, seorang bayi akan belajar untuk mengingati imej sesuatu benda yang bukan berada di ruang pandangannya (beginilah memori atau ingatan itu terjadi). Pertimbangan logik yang ringkas akan terhasil melalui memorinya. Apabila ibunya tidak berada di pandangan ketika dia diperlukan, bayi itu akan menangis untuk mencarinya. Kehadiran ibunya akan meyakinkan bayi tersebut bahawa dia disayangi dan pertimbangannya adalah tepat - ibu akan datang jika dia menangis. Seiring dengan masa, tangisannya akan semakin berkurangan kerana dia mempunyai keyakinan ibunya sentiasa ada di sekitar sana! Jika tidak, pembentukan kepercayaannya kepada orang lain mungkin akan terbantut, bahkan kadang-kadang akan terbawa sehingga dia dewasa. Contohnya, jika ibunya meninggal dunia ataupun meninggalkan dia, dan tidak ada pengganti yang

serupa dengan seorang ibu muncul dalam kehidupannya.

Semasa bayi itu membesar, toleransinya juga akan bertambah. Kadang-kadang dia terpaksa menunggu orang yang diperlukannya secara emosi pada masa-masa tertentu. Sekiranya ibu bapanya (terutama sekali ibunya) tidak membiarkannya bersendirian mahupun ditinggalkan bersama dengan orang lain terlalu lama, dia akan belajar untuk lebih mempercayai mereka.

Oleh yang demikian, ikatan antara ibu-anak dan/atau ayah-anak akan terhasil dan dia akan berasa lebih selamat untuk menerokai dunia di sekitarnya. Bagaimanapun, orang lain tidak dikecualikan. Tetapi dia akan belajar untuk mengenali siapa yang benar-benar dia perlukan pada peringkat ini. Dia melakukan semua ini tanpa disedarinya. Semuanya terjadi secara semula jadi.

Bagaimanakah kita mengetahui sekiranya kepercayaan dan perasaan dilindungi telahpun tercapai di peringkat ini? Isyarat bagi pencapaian tersebut boleh dilihat ketika bayi itu telah bersedia untuk menerima ketidak-hadiran jangka pendek ibunya tanpa menjadi gelisah. Tetapi dalam perjalanan untuk mencapai matlamat tersebut, dia mungkin akan berasa malu atau takut apabila berhadapan dengan orang tidak dikenalinya (selalunya ketika berumur 8-12 bulan) sebelum dia mula untuk berkawan dengan orang yang tidak dikenalinya lebih mudah.

## Aplikasi

1. Kehadiran seorang ibu sangat penting dan harus

diberikan sekerap yang mungkin di sepanjang tahun pertama seorang bayi. Ini sangat kritikal terutama sekali di enam bulan kedua apabila memori seorang bayi mula terbentuk untuk seorang yang bergelar ibu.

### Untuk Difikirkan

*Adakah sistem penjagaan dan pengasuhan anak di Malaysia pada masa kini memenuhi keperluan jaminan dan perlindungan yang anak kita perlukan?*

2. Elakkan daripada ketiadaan ibu yang berpanjangaan, iaitu tidak lebih daripada beberapa jam sehari, walaupun kadang-kadang keadaan tidak mengizinkan (Contohnya, dalam keluarga yang lebih miskin di mana si ibu harus bekerja untuk menyara keluarga; apabila bayi ataupun ibu dimasukkan ke dalam hospital; atau ibunya meninggal dunia). Sekiranya perpisahan dalam jangka masa yang panjang tidak boleh dielakkan, usaha untuk menunjukkan bahawa dia disayangi haruslah dipertingkatkan.

Catatan:

- Penjaga dan ibu bapa angkat mampu melaksanakan tugas orang tua kandung sekiranya mereka berdedikasi untuk memberikan asuhan dengan kasih sayang.
- Sebaliknya, ibu bapa kandung mungkin tidak akan menjadi pengasuh yang terbaik bagi anak mereka sekiranya mereka tidak komited untuk menjaganya.

## Peringkat 3A

### 1 - 3 Tahun: Awal Alam Kanak-Kanak

#### BERDIKARI

**P**ada peringkat ini, seorang anak sudahpun memiliki pergerakan dan kawalan badan yang lebih baik. Kini dia mampu untuk berinteraksi dengan persekitarannya. Kadang-kala tenaga yang dia miliki akan menjengkelkan kita. Pada peringkat ini, kebanyakan kanak-kanak mempunyai kawalan terhadap sistem urin dan perkumuhan mereka.

Keinginannya untuk mendapatkan pengalaman dan kuasa membawa perselisihan dengan didikan ibu bapa mengenai tabiat dan tingkah laku. Walau bagaimanapun, merentas masa dia akan mengetahui apa yang ibu bapanya inginkan. **Dia mampu untuk memilih di antara “ya dan tidak”.**

Dengan perlahan-lahan, dia akan mempelajari untuk mengikuti kehendak ibu bapanya untuk mengelakkan perselisihan dengan jangkaan dan permintaan mereka.

Ketegangan di antara ketegasan dan kelonggaran akan sentiasa terjadi.

Sebagai umat Tuhan, kita percaya bahawa hanya dengan kuasa-Nya kita mampu untuk menahan diri daripada terlalu mendisiplinkan atau memanjakan anak kita (**Contohnya, mengharapkan mereka untuk boleh “dilihat**

**tetapi tidak didengari”, atau menunaikan semua permintaan mereka).** Orang dewasa sering berhadapan dengan kenyataan dosa asal apabila mereka mempunyai anak.

Disebabkan oleh tumbesarananya secara fizikal dan mental, seorang anak selalunya berasa bingung (tidak pasti) akan diri sendiri dan orang-orang yang dekat dengannya. Rasa ingin tahu kadang-kadang menyebabkan dia kelihatan agak kejam. Contohnya menarik ekor kucing peliharaan untuk melihat reaksinya. Dia sering berkelakuan **keras kepala dengan berdegil “tidak... tak mahu!”** apabila dia diminta untuk mematuhi orang tuanya. Dia berharap untuk menjadi lebih berdikari (misalnya dia ingin makan sendiri) tetapi tidak lama kemudian dia akan menyedari bahawa dia tetap bergantung kepada pelukan dan ciuman ibu bapanya. Hidupnya masih berlegar di antara ibu dan ayahnya, terutama sekali sekiranya dia adalah anak sulung dan tidak ada rakan untuk menemaninya bermain.

Pada peringkat ini, dia sudah mula mampu untuk berasa malu apabila ditegur oleh orang tuanya. Kadang kala perasaan amarah akan membuka kerana dia tidak mengetahui mengapa keinginannya tidak dituruti. Ini **terutamanya apabila ibu bapanya bersikap seperti ‘yoyo yang lembut’, di mana peraturan kadang-kadang diubah mengikut suka ibu bapanya.**

Ego dan konsep mengenai diri (selalunya daripada sudut mementingkan diri sendiri) akan mula terbentuk dan dia **akan merujuk dirinya menggunakan namanya, seperti “La**

La” (contohnya untuk Stella), “Bo Bo”(contohnya untuk Bobby), “De De” (untuk Adik) dan bukan dengan kata ganti diri “saya”.

Peringkat awal ini adalah asas bagi sikap berdisiplin ataupun tidak bagi kebanyakan kita. Satu tanda baik ialah apabila anak tersebut mula mengubah-suai keinginannya untuk berdikari kepada cuba mendapatkan perhatian dan akuan daripada orang tuanya. Contohnya, dia akan makan apa yang diberikan kepadanya supaya dia akan mendapatkan pencuci mulut.

Para ibu bapa harus mempunyai kebijaksanaan untuk mengimbangkan kebebasan bersuara anak mereka serta had-had bagi kebebasan tersebut.

Kadang kala, kencing tak terkawal akan berlaku walaupun kawalan ke atas pundi kencing sudah dicapai. Ini disebabkan oleh pengambilan air yang berlebihan sebelum tidur dan cuaca yang sejuk. Namun sekiranya ia terjadi disebabkan ketibaan seorang adik yang menerima perhatian lebih daripadanya, maka perhatian yang positif harus diberikan untuk mengurangkan kebimbangannya. Ini akan membantu menghilangkan simptom kencing untuk dapatkan perhatian tersebut. Mengungkit simptom tersebut hanya akan memburukkan lagi keadaan. Memanggil mereka sebagai pembuat masalah (ini adalah kes-kes yang lazim) hanya akan melukai anak tersebut walaupun dia tidak tahu menahu akan perkara yang sedang dialaminya. Kemungkinan besar dia akan membesar dengan penggilan tersebut, iaitu menjadi seorang yang suka membuat masalah! Jika simptom tersebut kekal lama,

bantuan perubatan adalah dinasihatkan. Anak tersebut mungkin mengalami jangkitan di dalam sistem saluran kencingnya.

Di dalam proses untuk menghormati batasan-batasan orang lain, anak tersebut mungkin mengawal haknya sehingga kelihatan mementingkan diri sendiri. Penjelasan secara berulang kali dan contoh harus diberikan untuk mendorongnya berkongsi benda dan mainannya.

Sekiranya rasa terjamin belum tercapai di akhir peringkat ini, tindakan mendisiplinkan mungkin akan disalah anggap sebagai penderaan berlebihan oleh anak tersebut. Ini akan membawa kepada tingkah laku negatif seperti cepat marah. Menganggapnya sebagai seorang anak yang nakal hanya akan mendorong dia untuk tetap berkelakuan sedemikian semata-mata untuk mendapatkan perhatian. Ibu-bapa harus meminta hikmat dan kebijaksanaan daripada Tuhan untuk mengetahui keperluan serta sebab bagi kelakuan sedemikian daripada anak mereka. Ini selalunya mampu membantu anak tersebut untuk berasa diterima dan aman semula.

Ada masanya, kita harus mengambil kira dimensi kerohanian apabila berdepan dengan kelakuan sedemikian. Pembebasan serta doa penyembuhan melalui puasa mungkin diperlukan.

## Peringkat 3B Awal Alam Kanak-Kanak: 3-6 tahun (Pra Sekolah)

### INISIATIF

**A**nak tersebut mula mengambil inisiatif untuk menjalankan persahabatan. Sikap bertanggungjawab juga kian bertambah. Alam sekitarnya kini semakin luas.

Ini adalah peringkat di mana seorang anak mula mampu memahami bahawa bahasa, mimpi dan mimpi ngeri adalah simbol bagi dunia nyata. Oleh yang demikian, dia mampu untuk melukis ataupun bermain permainan berunsurkan gambar seperti UNO, Keluarga Bahagia, Keldai. Proses pemikirannya adalah seperti berikut:

*Dari animisma...*

Mempercayai bahawa objek fizikal mempunyai jiwa, bahawa anak patung serta haiwan mampu berkata-kata dan mempunyai perasaan seperti manusia.

*Kepada konkritsima...*

Berfikir dan mempercayai bahawa nama dan objek fizikal adalah benda yang sama.

Misalnya, Krismas = Pokok Krismas  
Suhu = Termometer

*Kepada berfikir secara abstrak.*

Nama dan perkataan hanya simbol bagi sesuatu objek.

Kebolehan untuk membezakan maksud tersurat dan tersirat Krismas dengan buatan manusia bagi melambangkan perayaan tersebut akan terhasil. Dalam kes ini, pokok malar hijau adalah simbol bagi kehidupan yang berkekalan.

Anak tersebut mempelajari banyak perkara melalui pengaruh persekitarannya lebih daripada ibu bapanya. Contohnya melalui rakan sebaya, adik beradik, pengasuh, media seperti kartun Sesame Street, Barney dan Upin Ipin di televisyen. Hubungan ibu dan anak yang sudah terjamin kini diikuti dengan hubungan orang tua dan anak.

Dia akan mempelajari untuk mengambil initiatif bagi menghubungkan dirinya dengan orang lain. Bahkan kadang-kala dengan membuli mereka yang lebih kecil atau cuba menguasai orang serta benda lain. Ini sering berlaku di kalangan kanak-kanak lelaki.

Mereka yang berada di peringkat ini sudah mampu untuk membezakan jantina di antara lelaki dan perempuan. Kanak-kanak lelaki gemar untuk kelihatan seperti ayah mereka manakala perempuan untuk kelihatan seperti ibunya. Ada setengah kanak-kanak akan memberitahu orang tua mereka bahawa mereka ingin berkahwin dengannya.

Konsep masa (iaitu masa yang telah berlalu, kini dan akan datang) mulai difahami oleh mereka. Maka, akibat-akibat daripada perbuatan kini lebih difahami dan dilihat oleh mereka sebagai penyebab dan kesan.

Di akhir peringkat ini, perhitungan di antara baik dan buruk secara kebudak-budakan telah terhasil. Pada 6 hingga 7 tahun pertama hidup seseorang, asas-asas bagi sikap dan personalitinya kini telah terbentuk.

Hari ini, ramai orang tua Kristian yang sibuk mula sedar akan kenyataan ini, dan mula mengakui bahawa tugas mereka sebagai orang tua tidak boleh diambil ringan. Ia harus berada di tangga teratas kepentingan mereka. Saya percaya bahawa sudah tiba masanya untuk ibu bapa Kristian berdoa kepada Tuhan mengenai perkara terbaik bagi keluarga mereka. Kita harus memutuskan dengan siapakah anak kita akan membesar nanti.

Banyak keluarga yang hidup berasingan hari ini. Mereka tidak lagi hidup seperti di 20-30 tahun yang lalu di mana ada beberapa generasi yang tinggal dalam sebumbung. Setiap keluarga mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Tuhan akan memberikan kita hikmat yang kita perlukan untuk memikul tugas ini sekiranya kita dengan kerendahan hati meminta-Nya untuk berbuat demikian (Yakobus 1:5-8).

## Peringkat 4 Peringkat Akhir Alam Kanak-Kanak 6 -12 Tahun (Sekolah Rendah)

### PENGUBAHAN

**S**ecara umumnya, peringkat ini adalah masa di mana seorang anak mempelajari untuk menggunakan tenaganya secara produktif di rumah, sekolah atau

di gereja (sekiranya dia seorang Kristian). Kanak-kanak itu akan membesar melalui beberapa jangka masa operasi secara abstrak. Kini dia mempunyai kebolehan untuk melakukan perhitungan mental. Sebagai contoh:

- Dia boleh mengira di dalam hati tanpa bantuan sebarang objek. Dia tidak lagi menggunakan jari untuk mengira.
- Dia mampu untuk mengelaskan benda-benda mengikut sifat-sifat mereka.
- Dia memahami hubungan di antara objek dan idea.

Perkembangan di atas juga bermaksud kebolehannya untuk bekerjasama dengan orang lain hasil memahami peraturan yang telah ditetapkan.

Pengaruh luar kian bertambah mengalahkan pengaruh ibu bapa. Guru-guru dan rakan sekolah menjadi lebih penting di mata seorang kanak-kanak. Pencapaian turut menjadi sesuatu yang lebih bernilai. Ini membantunya untuk menyalurkan sikap agresif dan/atau frustasi kepada fungsi-fungsi mental. Oleh yang demikian, sekiranya kegagalan wujud disebabkan ekspektasi (harapan) ibu bapa yang sangat tinggi, perasaan rendah diri akan terbentuk walaupun dia sangat pandai dan pelajarannya maju di sekolah.

Walau bagaimanapun, orang tua yang pasif turut berkemungkinan memberikan impak rasa rendah diri kepada anak mereka. Anak mereka mungkin merasakan bahawa dia tidak penting bagi mereka untuk memberikan perhatian kepadanya. Ada di antara mereka yang berhasil untuk belajar menangani kegagalan. Mereka

menjadi terasing, tidak mesra, fobia (takut akan benda atau perkara tertentu) dan kebudak-budakan. Lama-kelamaan gangguan personaliti ini menjadi kekal. Contohnya mereka mungkin bersikap agresif, tidak berminat untuk berpartisipasi dalam kelas, atau merasakan orang lain selalu mengambil kesempatan terhadap dirinya. Kadang-kadang mereka akan melepaskan kegeraman mereka dengan membuli kanak-kanak lain. Berkemungkinan besar ia disebabkan mereka berasa kecil apabila berada di rumah. Kita harus ingat bahawa dosa asal turut mengganggu kanak-kanak sama seperti orang dewasa. Sekiranya perasaan rendah diri ini berlanjutan hingga ke alam dewasa, perasaan megah diri akan mengawal mereka kelak. Sesungguhnya jika kita tidak terganggu dengan apa yang orang lain fikirkan tentang kita, kita tidak akan merasa kita kecil atau tidak berguna!

## Aplikasi

1. Terimalah kanak-kanak ini seperti Bapa kita menerima kita, terutama sekali mereka yang cuba berkelakuan seperti orang dewasa. Kita harus membuat konsesi (penyerahan) untuk mereka apabila perlu.
2. Terapkan pengubahan
  - Di rumah. Misalnya melalui latihan muzik, aktiviti luar dan seni kreatif
  - Di gereja. Misalnya sekolah minggu, menziarahi rakan, membantu mereka yang memerlukan
  - Di sekolah. Misalnya berkhemah, pertandingan berpasukan, kelab berunifom

Ini dapat kita lihat dari contoh Tuhan Yesus sendiri.

Ketika berumur 12 tahun, Yesus kelihatan seperti seorang kanak-kanak yang cuai serta keras kepala. Besar kemungkinan, sama seperti rakan sebaya-Nya, Dia sangat taksub dengan minat-Nya sehingga Dia lupa untuk berjumpa dengan orang tua-Nya terlebih dahulu untuk singgah di Bait Suci Allah. Dari sudut pandangan yang lain pula, Dia sebenarnya sedang menyalurkan tenaga muda-Nya kepada aktiviti orang dewasa, dengan berturut serta di dalam perbincangan bersama mereka yang jauh lebih tua daripada-Nya. Pada masa yang sama, Dia juga turut mendengar perintah Bapa-Nya yang di Syurga!

3. Apabila persengketaan dan rasa cemburu semakin membuaik-buak, ibu bapa harus menepis anak mereka daripada berperangai sedemikian. Mereka mungkin perlu untuk mengenal pasti keperluan dalaman masing-masing terlebih dahulu. Mungkinkah mereka telah menyumbang kepada pembentukan perangai buruk anak mereka? Seorang nenek memberitahu saya bahawa dengan mendorong persaingan di antara anaknya, mereka mampu untuk tampil berjaya di sekolah. Dia berharap agar cucunya akan dibesarkan dengan cara yang sama. Namun dia gagal untuk melihat perbalahan yang terjadi di antara anak-anaknya setelah mereka dewasa. Tuhan sering menggunakan masalah anak-anak kita untuk membantu kita melihat kelemahan dan dosa kita.
4. Mereka yang mempunyai masalah ketakutan (fobia) harus menjelak semula punca terjadinya fobia tersebut supaya proses kesembuhan mampu dirawat dengan

sewajarnya. Sesetengah fobia adalah kekal. Jika ia tidak mengganggu kehidupan sehari-hari, ia tidak memerlukan rawatan.

5. Pada peringkat ini, kanak-kanak memerlukan ayah mereka sama seperti ibu mereka. Keadaan emosi mereka bergantung kepada kualiti komunikasi bersama ibu bapa dengan kasih dan penerimaan.

Ibu bapa yang mendisiplin anak secara kasih akan menjadi berkat yang besar kepada anak mereka.

6. Latihan kerohanian seorang kanak-kanak adalah amat penting untuk meneruskan kehidupan rohaninya. Beberapa petunjuk bagi pencapaian ini adalah ketika dia belajar untuk:

- Mematuhi ibu bapanya adalah untuk menyenangkan Tuhan
- Allah dilihat sebagai Tuhan yang pengasih dan adil walaupun ibu bapa mereka tidaklah sempurna.
- Patuh akan perintah membantunya untuk menghormati perintah-perintah Tuhan.
- Bersikap bertanggungjawab di rumah (contohnya, dipercayakan untuk mengunci pintu, menyimpan rahsia serta menguruskan sejumlah wang) menunjukkan dia semakin matang.
- Dosa menjadi semakin nyata kepadanya dan dia harus menerima keperluan untuk bertaubat dan mengubah sikap serta perangai sekiranya perlu.

- Nilai sebuah keluarga bergantung kepada kebenaran bahawa ianya hasil pemberian Tuhan.
- Dia harus memahami bahawa kebolehan untuk bekerja keras adalah satu pemberian daripada Tuhan kepada manusia. Ia adalah satu pemberian untuk digunakan bagi kemuliaan dan rancangan-Nya. Ia tidak seharusnya digunakan untuk mencari kemewahan sendiri di muka bumi. Ini akan mempengaruhi pilihan kerjayanya di masa hadapan<sup>5</sup>.

**Peringkat 5**  
**Remaja: 12 - 20 Tahun**  
**(Sekolah Menengah – Pra Universiti**  
**dan Awal Alam Bekerja)**

**PERGOLAKAN:**  
**Perubahan dan Penyesuaian**

**B**agi buku yang seringkas ini, sudah cukup untuk kami menekankan bahawa peringkat remaja ialah tahap di mana perubahan drastik dari segi fizikal, emosi, sosial dan mental terjadi. Ia adalah tahap yang paling bergelora! Oleh yang demikian, ia memerlukan sebuah buku khas untuk mengendalikan isu-isu terbabit. Sila rujuk buku *Masa Remaja* di dalam Siri Bimbingan Remaja ini<sup>6</sup>.

Peringkat 6  
Belia dan Orang Dewasa  
20-40 tahun

### KEMUNCAK

**P**ada peringkat perkembangan ini, dengan andaian bahawa identiti diri sudah terbentuk, kini mereka berusaha untuk mencapai dua tujuan:

1. Dia ingin berjaya dalam kariernya yang pertama tanpa mengira apa saja halangan untuk mengukuhkan kedudukannya di dalam masyarakat yang di diaminya. Dia ingin tampil berdikari serta bertanggungjawab.
2. Dia ingin untuk mendapatkan hidup yang lebih tetap. Ini termasuklah pencarian bagi rumah yang boleh menjadi miliknya sendiri, dan dia mahu mengasihi dan dikasihi. Oleh yang demikian, apabila dia telah menemui seorang pilihannya, dia akan merancang untuk berkahwin dan menyusun kepentingan di antara keluarga dan tanggungjawabnya. Bagi mereka yang tidak berpasangan, biasanya keinginan untuk mencari pasangan akan diimbangi dengan keadaan emosi terutama bagi mereka yang belum melengkapipadi peringkat sebelumnya. Walau bagaimanapun, masyarakat hari ini lebih terbuka daripada masa lampau mengenai orang dewasa untuk bergaul sesama sendri. Oleh yang demikian, ramai yang lebih suka menikmati gaya hidup bebas tanpa pasangan sebelum mereka mula mencari pasangan hidup mereka secara serius.

Bagi masyarakat moden, menjadi bujang adalah pilihan umum bagi orang ramai<sup>7</sup>. Di Malaysia, kita sedang melalui suatu perubahan sosial yang sangat drastik dan pantas. Tahap ini mungkin turut mempengaruhi mereka yang berumur 10-20 tahun sehingga apabila mereka telah berjaya di sekitar umur 30 tahun, mereka sudah merasa sangat keletihan. Ramai yang turut punah untuk melayani Tuhan dengan hidup mereka. Tidak ada lagi yang merasa terpanggil untuk melayani Tuhan. Yang lain tetap mara dengan tanda-tanda luaran kuat beragama namun sudah kehilangan cinta pertama mereka terhadap Tuhan.

**Ramai juga yang “tersimpang” di dalam pencarian** wang, kuasa dan seks. Sudah pastilah bahawa godaan -godaan ini nyata kepada sesiapa sahaja namun ia sangat berkuasa di peringkat ini. Yesus berada di lingkungan 30-an ketika dia digoda di padang gurun.

3. Pemerhatian saya adalah apabila seseorang mencapai umur pertengahan 30-an, dia akan merasa bahawa masa sudah semakin suntuk dan dia harus melakukan sesuatu mengenai ketandusan emosi dan rohaninya. Perkara ini turut melanda mereka yang dilihat sebagai **“berjaya” di mata masyarakat. Sekiranya suara kecil** Tuhan tetap tidak diendahkan, ia akan mengambil mereka masa yang lebih lama lagi sebelum mereka mampu untuk mendengarnya sekali lagi.

Sesungguhnya adalah lebih mudah bagi mereka yang pernah gagal dalam hidup untuk mendengar suara tersebut kerana mereka mengetahui keperluan mereka. Yang lain mungkin berpendapat bahawa mereka tidak

memerlukan Tuhan sehingga mereka memiliki segala yang dapat dunia tawarkan. Pada waktu itu baharulah mereka merasa bahawa mereka kekurangan sesuatu. Dan kekosongan itu hanya dapat dipenuhi oleh Pencipta mereka.

Di peringkat kemuncak kehidupan ini, kaum belia tersebut akan mengalami banyak jenis tekanan. Antaranya adalah:

- Masalah peribadi
- Masalah kewangan
- Perubahan dalam keluarga, sama ada yang baik atau buruk, termasuklah penyesuaian di dalam perkahwinan
- Perasaan kerjaya yang tidak terjamin
- Tanggungjawab di gereja
- Kebingungan di dalam menyusun kepentingan

Masih ramai orang Kristian yang belum mengetahui rancangan Allah bagi mereka di peringkat ini. Ia mungkin disebabkan oleh:

***“Saya jahil adakah Allah mempunyai rancangan yang khusus bagi saya”***

***“Tuhan sudah berbicara namun saya terlalu takut untuk mengetahui perincianya kerana saya tidak berani untuk tunduk dan patuh... sebab saya tidak pasti sama ada Dia akan memberkati saya ataupun tidak...”***

***"Tuhan belum bebicara dengan saya"***

Tidak kira mana satu alasan yang kita hadapi, ketahuilah **bahawa 'tidak ada sesuatupun yang boleh memisahkan kita daripada kasih Allah yang ada dalam Kristus Yesus Tuhan kita'** (**Roma 8:31-39**).

Jika Allah Bapa tidak meninggalkan Yesus ketika Dia diseksa (walaupun Yesus beranggapan sedemikian dalam Markus 15:34), demikian juga Dia tidak akan meninggalkan kita di dalam kesusahan. Tanyalah Dia mengenai apa yang diinginkan-Nya daripada anda, bersedialah untuk menjadi seorang anak yang patuh dan Dia akan menunjukkan Diri-Nya kepada anda.

Perbincangan mengenai peringkat-peringkat umum bagi kehidupan berpasangan dan berkeluarga boleh didapati di dalam buku, *Building a Love House is Hard Work*<sup>8</sup>.

**Peringkat 7  
Pertengahan umur  
40 - 60 Tahun**

**KESTABILAN... KETIDAK-PASTIAN...  
MENGARAH SEMULA**

**S**ifat-sifat umum bagi mereka yang berada di peringkat ini:

1. Setelah mencapai kemuncak hidup dan telah menyumbang banyak kepada masyarakat, mereka selalunya berharap agar nama mereka diingati. Adakah anda perasan bahawa mereka yang diiktiraf selalunya berada di lingkungan umur ini?
2. Mereka sangat mengambil berat akan kesejahteraan ahli keluarga mereka, terutama sekali anak-anak remaja dan ibu bapa mereka yang sudah tua. Jika satu kumpulan kurang memerlukan perhatian mereka, kumpulan yang lain pula yang memerlukan lebih perhatian daripada mereka.
3. Mereka telah tiba di satu keadaan yang stabil dan tidak banyak perubahan bagi kebanyakan hubungan dalam kehidupan mereka. Ini termasuklah di rumah, gereja, tempat kerja dan masyarakat. Kelemahan secara fizikal semakin ketara.
4. Apabila mereka mencapai 50-an, mereka mungkin akan mula merancang persaraan dan mengubah **gaya hidup**. **Sindrom kemurungan ‘sarang yang kosong’ akan melanda banyak kaum wanita** kerana keluarga yang kecil dalam dunia moden sekarang. Anak-anak tidak lagi tinggal serumah dengan ibu bapa sehingga rumah menjadi sangat kosong dan sunyi. Godaan seksual semakin meningkat terutamanya apabila hubungan suami isteri tidak dijaga.
5. Ada setengah kaum wanita yang akan mengalami

masalah putus haid dan perubahan-perubahan yang lain. Bantuan perubatan boleh didapati masa kini walaupun saya selalu terfikir bagaimana ibu-ibu kita melalui masa-masa perubahan hormon tersebut di waktu lalu tanpa komplain. Mungkin perhubungan di antara rakan-rakan perempuan dahulu adalah lebih kuat dan erat sehingga bantuan di kalangan mereka lebih tersedia.


6. Cabaran yang dihadapi oleh kaum lelaki adalah lebih besar dengan perubahan ini disebabkan persaraan mereka. Ini adalah kerana mereka lebih sering menerima pengiktirafan daripada orang luar dan bukan ahli keluarga mereka. Sekiranya jaminan mereka bergantung kepada pengiktirafan orang lain, kehilangan kedudukan sosial yang signifikan yang mendadak akan lebih memedihkan. Mereka yang dapat melihat masalah ini dari awal akan merancang pekerjaan yang baru sebelum bersara.

### Bahaya-Bahaya

1. Keangkuhan hidup  
(Aku adalah hasil usahaku sendiri!)
2. Mengumpul harta di dunia  
(Tidak ada riadah dan senang lenang sekiranya masih ada yang boleh dikerjakan!)
3. Kepuasan hati dan zon keselesaan  
(Inilah masa untuk saya menikmati hidup saya sendiri . . . Tidak ada masalah lagi!)

Walau bagaimanapun, sebagai orang Kristian, kita boleh melihat peluang kerja-kerja dan pelayanan Kristian yang luas apabila persaraan tiba. Kebijaksanaan, kepakaran dan pengalaman mereka boleh disalurkan untuk membantu mereka yang lebih muda di dalam Kristus – melalui kaunseling pastoral, bantuan kewangan, mengasuh, dan menjadi ibu bapa angkat malah nenek dan datuk angkat! Betapa indah komuniti Tuhan apabila ini tercapai!

**Peringkat 8  
Warga Emas:  
60 Tahun Ke Atas**  
**KESEDARAN**



*“Dengan berlakunya peningkatan industrialisasi dan urbanisasi, keluarga berpendapatan sederhana menjadi lebih bersifat mudah alih. Mereka menetap di pangsapuri-pangsapuri dan juga rumah bersaiz kecil. Kedua-dua suami dan isteri mempunyai pekerjaan masing-masing. Keluarga semakin terpisah daripada sanak saudara sehingga orang tua tidak menerima penjagaan walaupun keinginan untuk berbuat demikian ada. Warga emas yang tidak mampu untuk memiliki rumah sendiri sering berpindah atau dihantar ke pusat jagaan orang-orang tua.”*<sup>9</sup>

**A**dakah petikan di atas kedengaran tidak asing? Adakah ia dipetik daripada satu halaman akhbar tempatan di Malaysia? Tidak! Ia merupakan petikan daripada buku teks perubatan saya di awal tahun 70-an untuk masyarakat di Amerika Syarikat. Namun bukankah ia kedengaran tidak asing bagi kita kini di Malaysia?

Sebagai ahli keluarga Yehova Yireh, Allah yang Menyediakan, kita harus berfikir jauh ke hadapan mengenai tanggungjawab kita kepada orang tua kita. Bagi sesetengah orang, ia mungkin bermaksud penjagaan jangka masa panjang. Tradisi kita orang Asia mengajar kita bahawa ikatan keluarga mampu untuk menyatukan kita, namun pencarian wang mampu untuk menghapuskan tradisi tersebut. Ia mungkin boleh menjadi hamba yang baik, namun sama seperti api,kekayaan selalunya adalah tuan yang rakus (1 Timotius 6:10).

Ujian bagi kasih kita kepada Tuhan ialah kasih kita kepada sesama manusia. Kita harus menyedari bahawa

menjaga orang tua adalah lebih rumit daripada menjaga anak-anak kerana mereka harus dihormati (terutamanya bagi saudara-mara pasangan kita). Kebanyakan orang tua menganggap mereka yang 20 tahun lebih muda daripada mereka sebagai anak. Kadang-kala mereka akan bersikap terlalu meminta. Namun begitu, Alkitab mengajar kita untuk menolong mereka yang memerlukan terutamanya saudara kandung dan keluarga kita di dalam Kristus.

Selari dengan pembangunan masa kini, menjadi tua tidak selalunya bermaksud ketidakseimbangan emosi dan gejala nyanyuk. Ramai orang yang sudah berumur menceburii bidang-bidang dan cabaran-cabaran baru setelah persaraan mereka. Walau bagaimanapun, masih ada yang mendapati perubahan sosial, ekonomi dan fizikal agak berlebihan untuk terus bekerja dengan rentak yang sama. Bagi mereka, kesan-kesan tekanan tersebut membawa mereka kepada simptom-simpton umum berlakunya penuaan.

## Ringkasan bagi tekanan yang dialami oleh orang yang telah berumur

### 1. Fizikal

Misalnya osteoarthritis, pengurangan pergerakan, sakit jantung, perubahan visual, perubahan kulit. Namun begitu, masih ramai yang mampu untuk bekerja dengan efektif sehingga berlakunya masalah drastik seperti sakit jantung, pembedahan dan keretakan tulang.

### 2. Tekanan Psiko-sosial

- (a) Penurunan kecerdasan otak: Ini berlaku ketika keadaan-keadaan baru menuntut mereka untuk berfikir secara abstrak.
- (b) Masalah ingatan: Susah mengingati perkara yang baru sahaja terjadi.
- (c) Penurunan minat dan kebolehan untuk menerima idea-idea baru. Perkara ini akan memaksa mereka untuk bertindak mementingkan diri sendiri, memegang teguh kepada tradisi, mudah naik darah, serta personaliti sebenar mereka akan mula diluahkan.
- (d) Tekanan-tekanan umum yang disebabkan oleh perubahan-perubahan ini adalah:
- Keadaan yang mengancam. Contohnya perubahan mendadak dari segi persekitaran seperti pengusiran penempatan setinggan.
  - Perpindahan dari kampung ke bandar.
  - Kehilangan sanak-saudara dekat dan rakan-rakan disebabkan kematian mahupun persaraan, membuatkan mereka bersedih sendirian kerana mereka merasakan orang-orang muda tidak memahami mereka.
  - Takut akan kematian, terutama sekali bagi mereka yang belum pasti akan kasih kurnia Tuhan ataupun yang belum lagi menerima keselamatannya.
  - Perasaan kehilangan status sosial, prestig dan rasa dihormati. Perbalahan dengan orang lain sering disebabkan oleh rasa rendah diri.

### 3. Tekanan kewangan

Ini terutama sekali jika wang tidak disimpan bagi masa tua. Contohnya keperluan perubatan dan tempat tinggal.

### 4. Persaraan

Reaksi kepada persaraan bergantung kepada individu masing-masing. Ia selalunya berkait rapat dengan faktor-faktor yang berikut:

- (a) Kekuatan identiti
- (b) Kebolehan untuk menyesuaikan diri bagi perubahan persekitaran
- (c) Personaliti serta status sosial

Bagi sesetengah orang, persediaan yang lengkap harus disediakan untuk membantu mereka menerima persaraan supaya mereka tidak berasa tertekan apa lagi ketika mereka sedang melalui kemelesetan intelek dan kesihatan fizikal. Dalam buku Dr. John White, '**The Fight**'<sup>10</sup>, orang Kristian yang akan bersara diseru untuk menanyakan diri mereka sendiri:

***“Bagaimakah saya akan menggunakan masa yang ada untuk mempelajari Alkitab, berdoa dan melayani Tuhan?”***

Dan bukannya..

***“Bagaimakah saya boleh menjadi lebih berjaya dan/atau menikmati hidup dengan lebih lagi?”***

## Tiga Masalah "K" Yang Utama

### 1. Kebergantungan

**S**ikap tidak mahu bergantung kepada orang lain membawa kepada masalah yang bertentangan dengan tekanan. Orang yang telah berumur mungkin terlalu berdikari sehingga mereka menjadi terlalu tinggi diri untuk menerima pertolongan. Ramai yang tidak senang untuk menetap dengan saudara-mara mereka sekiranya mereka mempunyai pendapatan yang agak tinggi. Saya diberitahu tentang seorang tua yang kaya yang menghabiskan enam bulan di Britain bersama keluarga anak lelakinya dan enam bulan seterusnya di hotel mewah di Kuala Lumpur. Apabila berada di Malaysia dia dengan senang menyantap selera di gerai-gerai penjaja.

Secara umum, sekiranya keinginan untuk kebergantungan tidak diselesaikan semasa zaman kanak-kanaknya (contohnya, remaja yang melarikan diri dari rumah kerana ingin bebas dari ibu bapa yang terlalu menggongkong), mereka mungkin mengalami lebih banyak masalah dengan bertambahnya keperluan untuk bergantung kepada orang lain. Mereka mungkin teragak-agak untuk bergantung kepada orang lain kerana takut dikawal dan risau akan penolakan. Kadang-kala mereka bertindak untuk menjadi terlalu bergantung kepada orang lain pula. Perasaan menjadi tidak berguna membawa mereka kepada tekanan, kemurungan, kebimbangan dan amarah.

## 2. Kemurungan

Perkara ini harus diberi penekanan yang serius terutama sekali bila mereka mengugut untuk bunuh diri, walaupun dengan nada yang tidak serius. Ini kerana kitaran tekanan perasaan mungkin sudah mengambil tempat untuk beberapa waktu. Sikap-sikap demikian boleh dielakkan melalui:

- Pertaubatan dari dosa dan pengampunan kepada orang lain dan diri sendiri. Jika kita melakukan itu, kita tidak lagi mengumpul semua hutang kesalahan yang orang lain lakukan ke atas kita. Kita juga tidak perlu bersaing dengan mereka ataupun cuba hidup menggapai ekspektasi mereka. Ini boleh berlaku tanpa kita sedari. Apablia kita membuat kesilapan, kita tidak lagi memandang rendah kepada diri sendiri dan ini akan menyelamatkan kita daripada tekanan yang lebih parah. Pembebasan daripada dendam bermaksud permulaan baru bagi sukacita dan keamanan di dalam Tuhan di hari-hari berikutnya. Hubungan kita dengan Tuhan, orang lain dan diri sendiri akan dipulihkan kerana kita telah menerima diri kita dengan seadanya tanpa dipengaruhi oleh pandangan orang lain disebabkan kita telah diterima oleh Tuhan.
- Pembaharuan iman, kekuatan dan tujuan hidup di dalam Tuhan.

- Melihat nilai orang lain sebagai anak-Nya, dan bukannya pencapaian atau kegagalan mereka. Ia tidak pernah terlewat untuk membuat permulaan baru bagi mereka yang sanggup menerima penyembuhan kasih Tuhan.

### 3. Kematian

R eaksi biasa kepada perkataan tersebut adalah ketakutan dan tidak ada harapan. Sekiranya mereka mempunyai kesihatan yang baik, ia sering digunakan sebagai perlindungan utama:

***“Umur saya masih panjang. Mengapa perlu risau? Saya boleh menjaga diri saya sendiri. Biarkan saya sendirian, saya mahu lakukan apa yang saya inginkan!”***

Sekiranya mereka jatuh sakit, penafian adalah lebih lazim. Para wanita didapati lebih mudah untuk menerima hakikat kematian daripada lelaki. Ini mungkin disebabkan kaum wanita lebih awal mempelajari kelemahan dan kefanaan mereka daripada kaum lelaki. Mungkinkah ini disebabkan wanita sering dianggap lebih lemah menjadikan ia lebih mudah bagi mereka untuk menerima kekurangan?

Perkara ini membawa kita untuk merenungkan perasaan kita mengenai pertemuan dengan Yesus. Sebagai anak Tuhan, adakah kita melihat kematian sebagai satu pintu gerbang kepada kesatuan dengan-Nya di mana kematangan-Nya diberikan kepada kita sepenuhnya? Adakah kita melihat realiti dibebaskan daripada

penyusutan fizikal yang sering menjadi ugutan bagi kesihatan kita di muka bumi? Adakah kita percaya bahawa:

- Kita telah diselamatkan daripada belenggu dan hukuman dosa
- Kita sedang diselamatkan daripada kuasa dosa
- Kita akan diselamatkan daripada kehadiran dosa?<sup>11</sup>

## Aplikasi

1. Tulis sebuah ulasan hidup anda di masa lampau. Ia mungkin menyakitkan namun ia juga membantu berpandu kepada pengetahuan anda mengenai kuasa Allah untuk mengampunkan, menyucikan, menyembuhkan dan memperbaharui anda. Tuhan sentiasa ada untuk mengubah segalanya menjadi baik kepada mereka yang mengasihi Dia dan terpanggil sesuai dengan rancangan Allah (Roma 8:28).
2. Carilah rancangan Tuhan bagi pekerjaan di ladang-Nya. Contohnya, menjadi seorang penginjil di negara sendiri, pekerja sosial, kaunselor, penatua di dalam gereja atau organisasi, ataupun menjadi ibu bapa angkat kepada anak-anak muda yang tidak mempunyai ibu bapa Kristian ataupun kepada mereka yang berstatus anak yatim.
3. Sediakan diri untuk berhadapan dengan kematian melalui bercakap tentangnya kepada rakan karib dan saudara mara. Ambil masa untuk mengucapkan selamat tinggal kepada mereka yang dikasihi apabila masa untuk meninggalkan mereka menjadi lebih nyata,

seperti penyakit kronik menyerang. Proses ini mungkin menakutkan kecuali apabila kita berada di dalam jaminan keselamatan di dalam rumah Bapa di syurga (Yohanes 14:1-3)



### Doa Bagi Orang-Orang Muda

**T**uhan, kurniakanlah kepada kami kasih untuk saudara-saudari kami dalam Kristus yang lebih tua.

Ampunkan kami sekiranya kami melihat diri kami lebih baik daripada mereka.

Bantu kami untuk melihat mereka sebagai insan yang berharga di mata Engkau, mereka memerlukan kasih sayang sama seperti orang-orang yang lebih muda.

Ajar kami untuk berdoa bagi mereka dengan mengingati nama mereka.

Kami berdoa ya Tuhan, dengan hadirat-Mu mereka akan menerima perubahan yang akan mereka lalui dan mereka akan mempercayakan hidup mereka di tangan Pencipta mereka.

Berikan kami kerendahan diri untuk belajar daripada mereka.

Bagi mereka yang lemah, ya Tuhan, berikanlah kami kasih untuk menjaga mereka bagi Engkau, dan akhir sekali, untuk membantu mereka masuk ke dalam kemuliaan Hadirat-Mu dengan sukacita dan kemenangan di dalam Yesus Kristus Tuhan kami!

Amen.



### Rujukan

- <sup>1</sup> John White, *The Shattered Mirror* (IVP, 1987) & Malcolm A. Jeeves, *Psychology & Christianity: The View Both Ways* (IVP, 1976)
- <sup>2</sup> Paul D. Meier, *Christian Child Rearing and Personality Development* (Baker Book House Company, 1977)
- <sup>3</sup> Thomas Verny & John Kelly, *Secrets of Unboarn Child* (Spere Books Ltd, 1981)
- <sup>4</sup> Ibid
- <sup>5</sup> Walter Byrd & Paul Warren, *Counselling and Children*, Bab 10 (Word Publishing, 1990)
- <sup>6</sup> Lee Bee Teik, *Masa Remaja* (Wawasan Penabur Sdn Bhd, 2012)

- 7 Lee Bee Teik, *Cabarans Bersendirian di Abad-21* (Wawasan Penabur Sdn Bhd, 2012)
- 8 Lee Bee Teik, *Building A Love House Is Hard Work* (MCARE, 1996))
- 9 Philip Solomon & Vernon D. Patch, *Handbook of Psychiatry*, Edisi 3 (Lange Medical Publications, 1974)
- 10 John White, *The Fight* (IVP, 1977)
- 11 J.I. Packer, *A Passion for Holiness*, Bab 2 (Crossway Books, 1992)

**“Didiklah orang muda**  
menurut jalan yang patut baginya,  
maka pada masa tuanya pun  
dia tidak akan menyimpang  
**dari pad a jalan itu”.**  
(Amsal 22:6)

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berdasarkan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan.

Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.



WAWASAN  
PENABUR